

SOALAN NO: 503

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memberi penjelasan kenapa dewan pembedahan Hospital Alor Gajah masih tidak dapat digunapakai walaupun Hospital Alor Gajah telah siap sejak 2013.

Tuan Yang di-Pertua

Pada awalnya Hospital Alor Gajah ini telah siap dan diserahkan pada 3 Disember 2012. Masalah timbul apabila ketika di dalam tempoh pembaikan kecacatan (*defects liability period*) sepertimana termaktub di dalam kontrak, pihak kontraktor telah meninggalkan projek ini dan menyebabkan beberapa sistem di bilik bedah tidak dapat berfungsi kerana tidak dibuat penyelenggaraan dan pembaikan. Akibat dari

tiadanya penyelenggaraan dan pembaikan yang dibuat telah menyebabkan bacaan suhu dan kelembapan bandingan (*Relative Humidity*) di dewan tidak menepati standard yang dikehendaki. JKR telah berusaha untuk menyelesaikannya diperingkat awal, malangnya terdapat kekangan masalah perundangan untuk merampas dan membelanjakan baki Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) dengan berhadapan kes penggulungan kontraktor utama dan perintah *garnishment* oleh mahkamah.

Walaupun, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengambil tanggungjawab tersebut dan kerja-kerja pembaikan sedang dilaksanakan di tapak. Sehingga kini kemajuan pembaikan di dewan bedah adalah 99% siap dan terkini status ditapak didalam peringkat akhir pengujian dan pentauliahan (*Testing & Commissioning*) dan dijangka siap serta dapat diserahkan pada April 2017.